
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMG 418 – Perancangan Bandar dan Wilayah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan juga ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Kajian Perancangan Bandar dan Wilayah lebih menekankan keperluan pengintegrasian antara elemen-elemen teori, polisi dan praktis. Bincangkan.
(25 markah)
2. Teliti petikan berikut:

..... Sebenarnya Kuala Terengganu berjaya memenuhi kesemua tujuh kriteria yang ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu sebagai pusat pentadbiran negeri, mempunyai jumlah penduduk tidak kurang 300,000 orang, berautonomi dari segi kewangan dengan hasil tahunan melebihi RM 80 juta, berkembang dan membangun dengan pesat dari segi ekonomi, mempunyai pusat perniagaan, perindustrian dan institusi kewangan yang kukuh, mempunyai pusat pengajian tinggi dilengkapi maktab, universiti dan perpustakaan serta mempunyai ciri khas iaitu keistimewaan dari segi sejarah, pusat aktiviti kebudayaan dan sukan yang penting. Cuma dari segi pendapatan kewangan, Kuala Terengganu masih belum memenuhi kriteria yang ditetapkan, bagaimanapun kerajaan negeri bersetuju menambah pendapatan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu bagi membolehkannya mencapai taraf bandaraya.....

(Berita Harian, Keluaran Khas Sempena Perisytiharan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Selasa, 1 Januari 2008)

- Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan kriteria yang belum dapat dipenuhi oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan implikasinya kepada penduduk setempat.
- (25 markah)
3. Dengan merujuk kepada salah satu pembangunan koridor wilayah ekonomi di Malaysia, bincangkan bagaimana wilayah tersebut bakal berfungsi sebagai fokus kutub pertumbuhan bagi merancakkan pembangunan ekonomi negara.
(25 markah)
 4. Bincangkan isu-isu yang menghalang perkembangan aplikasi GIS di Malaysia.
(25 markah)
 5. Berasaskan salah satu teori perancangan bandar dan wilayah, jelaskan bagaimana konsep pusat (*polarisasi*), konsep perhubungan (*linkages*) dan konsep serakan/taburan (*distribusi*) dapat meningkatkan kefahaman tentang pola dan corak pembangunan bandar dan wilayah masa kini.
(25 markah)
 6. Sejauh manakah jenis-jenis perancangan yang wujud di Malaysia dipengaruhi oleh keadaan dan isu-isu semasa?
(25 markah)